



Rujukan :KUP SIS.700-6/1/1()
 Tarikh :19.8. 2024

Kepada:
YBhg.Dato/Datin/Tuan/Puan
Ibu bapa/ Penjaga Murid
SM Sains Kubang Pasu

Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN MURID PULANG BERMALAM SEMPENA CUTI PENGGAL 2, SESI 2024/2025

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2 Adalah dimaklumkan bahawa cuti penggal 2 persekolahan 2023/2024 akan bermula pada 13.09.2024 - 21.09.2024. Sehubungan dengan itu, semua murid dibenarkan pulang bermalam pada 12.09.2024 (Khamis) dan kembali ke asrama pada 21.09.2024 (Sabtu) kecuali tingkatan 5 kerana terlibat dengan program Perkampungan Ilmu.

3. Sila pastikan murid mengikut waktu pulang bermalam dan kembali semula ke asrama mengikut ketetapan masa berikut:

PULANG BERMALAM			KEMBALI KE ASRAMA			PAKAIAN
Tarikh	Tingkatan	Masa	Tarikh	Tingkatan	Masa	
12.09.2024 (Khamis)	1 Hingga 5	12.30 tengah hari	21.09.2024 (Sabtu)	Tingkatan 1	3.00 ptg-3.30 ptg	Pakaian rasmi outing
				Tingkatan 2	3.30ptg -4.00 ptg	
				Tingkatan 3	4.00 ptg-4.30 ptg	
				Tingkatan 4	4.30 ptg-5.00 ptg	
			17.09.2023 (Selasa)	Tingkatan 5	Sebelum pukul 6.00 ptg	

Nota:

- Kenderaan ibubapa/penjaga dibenarkan masuk ke kawasan sekolah/asrama semasa proses mengambil dan menghantar anak/anak jagaan. Walau bagaimanapun, pihak sekolah berharap tuan/puan mengambil sikap berhati-hati dalam pemanduan memandangkan murid-murid masih berada dalam kawasan sekolah.
- Ibubapa/penjaga yang mempunyai anak di dua tingkatan berbeza boleh memilih salah satu masa yang ditetapkan.
- Murid diingatkan supaya mematuhi prosedur keluar masuk sekolah yang ditetapkan dan membawa masuk barangan/peralatan yang tidak dibenarkan adalah satu kesalahan disiplin seperti telefon bimbit.
- Pihak sekolah memohon bantuan ibubapa/waris untuk memastikan semua murid sihat sebelum mereka dibenarkan untuk kembali semula ke asrama pada 17.09.2024(Selasa) untuk murid tingkatan 5 dan 21.09 2024 (Sabtu) untuk murid tingkatan 1 hingga 4.
- Murid yang tidak bergejala seperti mempunyai tanda-tanda demam, selesema , sakit kepala, keletihan dan lain-lain sahaja dibenarkan kembali ke asrama
- Waris ibubapa/penjaga perlu membekalkan pelitup muka berwarna putih atau hitam tanpa corak dan ubat yang bersesuaian kepada anak tuan/puan.

4. Ibu bapa/penjaga diharap dapat membuat perancangan perjalanan dengan sebaiknya bagi memastikan pergerakan murid pulang bermalam dan kembali ke asrama dapat berjalan dengan lancar dan selamat.

5. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini boleh hubungi Pn. Siti Aishah Binti Ahmad(Penolong Kanan HEM) ditalian 012-4169478 , Encik Ahmad Pauzi bin Awang (Ketua Warden Asrama) di talian 011-35732947 atau mana-mana warden asrama.

6. Kerjasama Ybhg.Dato/Datin /Ybrs.Dr/tuan/puan berhubung dengan perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
 “BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

FATHIYAH BINTI MOHD POZI @ MOHD FAUZI
 Pengetua,
 Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu.